

21 OCT 2001
MAHATHIR-WTO
WTO MESTI ADA AGENDA TEPAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Malaysia menggesa bahawa sebarang pusingan baru perundingan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mestilah mempunyai agenda yang tepat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

"Menentukan agenda itu adalah amat penting kerana jika kita tidak ada agenda yang betul, mungkin ia sesetengah pihak akan membawa perkara-perkara luaran, perkara yang tidak berkaitan dengan perdagangan," Perdana Menteri memberitahu persidangan media di sini ari ini.

Katanya, "jika itu berlaku, ia akan mempunyai kesan buruk ke atas negara-negara miskin."

"Kita akan pergi ke Doha dan akan memastikan pandangan kita diterima di sana," katanya.

Beliau berkata mesyuarat peringkat menteri yang dijadualkan di Doha, Qatar akan menimbang agenda bagi pusingan perundingan akan datang di bawah WTO.

Katanya bahawa pada mesyuarat APEC di sini, kini terdapat kesanggupan supaya bersikap bertolak ansur di kalangan ekonomi maju.

"Sebelum ini mereka (APEC) amat keras. Mereka sentiasa bercakap mengenai pembukaan pasaran, pembukaan pasaran."

"Tetapi sekarang, perkara-perkara ini tidak begitu menonjol di dalam perbincangan di APEC dan saya agak pasti pandangan kita akan diterima di WTO," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata bahawa Malaysia pastinya ingin menyokong pusingan perundingan akan datang di WTO jika agendanya boleh diterima.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata bahawa terdapat banyak janji di dalam perincangan global sebelum ini yang tidak ditunaikan.

"Kami harap persetujuan-persetujuan yang dicapai di Pusingan Uruguay akan dilaksanakan walaupun kita terpaksa berbincang mengenainya di pusingan baru WTO. Persetujuan sebelum ini masih sah dan ia harus dilaksanakan."

Apabila ditanya mengenai sikap Amerika Syarikat yang seolah-olah berbeza terhadap pembukaan pasaran, Perdana Menteri berkata, "itu mungkin, ia ada kaitan dengan perubahan dalam kerajaan."

"Adalah jelas, dasar-dasar kerajaan berbeza apabila kerajaan dibentuk oleh parti berlainan," katanya.

"Kerajaan sekarang seolah-olah lebih mengambil berat sedikit tentang kelemahan negara-negara membangun dan tidak begitu mendesak supaya semua orang mematuhi peraturan, undang-undang dan amalan-amalan sama supaya faedah-faedah boleh diperolehi (hanya) kepada yang paling kompetitif dan paling berkuasa," katanya. -- BERNAMA

MKO MR OS